

PERLEMBAGAAN BAGI

PERTUBUHAN INDUK

**PERSATUAN MURID-MURID TUA THE MALAY COLLEGE KUALA KANGSAR, MALAYSIA
(THE MALAY COLLEGE OLD BOYS' ASSOCIATION OF MALAYSIA)**

(PPM-002-14-01071955)

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN MURID-MURID TUA THE MALAY COLLEGE KUALA KANGSAR,
MALAYSIA (THE MALAY COLLEGE OLD BOYS' ASSOCIATION OF MALAYSIA)**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama. : **Persatuan ini dikenali dengan nama PERSATUAN MURID TUA
THE MALAY COLLEGE KUALA KANGSAR atau THE MALAY COLLEGE OLD
BOYS' ASSOCIATION dan secara ringkas dan lazimnya "MCOBA"**

(3) Taraf Pertubuhan : **Kebangsaan**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**PENTHOUSE, MCOBA BUILDING, NO 42, JALAN SYED PUTRA
50460 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**PENTHOUSE, MCOBA BUILDING, NO. 42, JALAN SYED PUTRA,
50460 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

- 3.1 Memupuk silatul – rahim, termasuk sikap mesra, ramah – tamah, kunjung mengunjung dan tolong menolong antara Ahli termasuk ahli keluarga mereka.
- 3.2 Menggalakkan interaksi dan kerjasama antara Ahli dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi dan perniagaan.
- 3.3 Menggalakkan dan meningkatkan ilmu dan pengetahuan melalui perjumpaan, ceramah dan cara – cara lain di kalangan Ahli khususnya dan di kalangan murid – murid tua MCKK dan individu – individu lain amnya.
- 3.4 Mengatur dan membantu usaha – usaha kearah meningkatkan, pertamanya, prestasi Ahli dan, seterusnya, prestasi murid – murid tua MCKK dan bangsa Melayu.
- 3.5 Menjaga dan mengembangkan nama baik MCKK sebagai sekolah yang ternama di Malaysia.
- 3.6 Membantu dan menyokong usaha – usaha kecemerlangan MCKK dalam bidang pelajaran, sukan dan kegiatan luar darjah lain dalam rangka mengeluarkan murid-murid tua yang berkepimpinan, berpendidikan dan berakhlak menurut lunas - lunas Islam.
- 3.7 Menjalinkan hubungan dan kerjasama dengan badan, pertubuhan dan persatuan lain termasuk persatuan murid – murid tua lain untuk manfaat bersama.
- 3.8 Menjalankan apa – apa kegiatan dan mengambil apa – apa langkah yang dibenarkan oleh undang – undang untuk kebaikan dan kepentingan MCOBA dan Ahli.
- 3.9 Menggunakan dana Persatuan dengan cara difikirkan sesuai, dan,
- 3.10 Mendapatkan termasuk secara membeli, harta alih dan tak alih dan berniaga dengan harta tersebut secara yang baik dan berpatutan untuk mendapatkan manfaat bagi Persatuan.

AKTIVITI

Untuk mendukung dan menyempurnakan mana – mana tujuan dalam Fasal 3 di sini, kegiatan yang boleh dilakukan oleh MCOBA adalah termasuk (tetapi tidak terhad) kepada yang berikut:

- 3.11 Di mana berkenaan, mengurus, menyewa, membina, memiliki, membeli, menjual termasuk memindah hak milik, memajak, menyerah, memajukan dan membuat apa – apa urusan yang wajar bersangkutan dengan apa - apa harta alih dan tak alih

termasuk tanah dan bangunan;

3.12 Tanpa menyekat kegiatan di atas menyimpan dana dan pendapatan dalam mana –

mana institusi kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan melabur dalam mana – mana saham, bon, saham amanah, waran dan sebagainya;

3.13 Mengenakan dan mengutip bayaran dan yuran daripada Ahli, memohon dan mengutip

derma dan sumbangan daripada Ahli dan pihak – pihak lain dengan mendapatkan kebenaran Pendaftar Pertubuhan dan pihak berkuasa tertentu terlebih dahulu;

3.14 Meminjam dan/atau mencari dana dengan cara mengeluarkan bon “debenture”,

“bills of exchange”, “promisory notes” atau jaminan – jaminan lain atau dengan cara cagaran dan cara – cara lain yang sesuai;

3.15 Mengatur atau mengadakan jamuan makan, pertemuan ramah tamah, kursus, sesi

dialog, seminar dan sebagainya;

3.16 Mengeluarkan atau menerbitkan buku, majalah, makalah dan sebagainya dan mengadakan atau mengelola website, newsgroup dan sebagainya;

3.17 Menjalankan usaha–usaha jualan dan niaga termasuk secara usahasama dengan

mana-mana pihak lain;

3.18 Membuat kajian atau penyelidikan dan/atau menubuhkan pusat kajian atau pusat pendidikan; dan,

3.19 Menubuhkan dan/atau menguruskan apa-apa tabung biasiswa, amanah dan sebagainya untuk kebajikan Ahli dan/atau MCKK.

FASAL 4 KEAHLIAN

KEAHLIAN, KELAKUAN AHLI DAN TATATERTIB

JENIS KEAHLIAN

4.1 Keahlian Persatuan adalah terdiri daripada Ahli Biasa, Ahli Seumur Hidup, Ahli Pelajar, Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat.

AHLI KEHORMAT, AHLI BERSEKUTU DAN AHLI PELAJAR

4.2. Ahli Kehormat

4.2.1 Keahlian Ahli Kehormat Persatuan adalah dibuka kepada orang yang difikirkan layak oleh JPM atas sebab telah memberi khidmat cemerlang atau bantuan kepada MCOBA atau The Malay College Kuala Kangsar.

4.2.2 Pencalonan untuk keahlian seperti ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat Persatuan untuk dipanjangkan kepada JPM untuk ketetapan atau dibuat oleh JPM sendiri.

4.2.3 Selepas kelulusan oleh JPM, Setiausaha Kehormat hendaklah memaklumkan Ahli Kehormat itu berkenaan perlantikan tersebut dan syarat-syarat keahlian.

4.2.4 Tempoh Keahlian Kehormat adalah seumur hidup kecuali dilucut mengikut Perlembagaan.

4.3 Ahli Bersekutu

4.3.1 Keahlian Bersekutu Persatuan dibuka kepada:-

4.3.1.1 Anggota "Board of Govenors the Malay College Kuala Kangsar" sekarang dan terdahulu; dan

4.3.1.2 Pengajar, kakitangan yang lain the Malay College Kuala Kangsar sekarang dan dahulu.

4.3.2 Cara menjadi Ahli Bersekutu Persatuan adalah seperti cara menjadi Ahli Biasa seperti diatas.

4.4 Ahli Pelajar

Ahli Pelajar dibuka kepada murid tua MCKK berumur 18 tahun dan ke atas yang masih belajar atau yang belum mencapai umur 23 tahun. Apabila mencapai umur 23 tahun Ahli Pelajar itu perlu memohon menjadi Ahli Biasa atau Ahli Seumur Hidup dan jika gagal berbuat demikian, keahlian pelajarannya, secara automatik digugurkan.

4.5 Seseorang Ahli Kehormat atau Ahli Bersekutu Persatuan atau Ahli Pelajar tidak layak menjadi anggota JPM dan tidak berhak mengundi disesuatu Mesyuarat Agung.

AHLI BIASA DAN AHLI SEUMUR HIDUP

4.6 Permohonan menjadi Ahli Biasa atau Ahli Seumur Hidup hendaklah dibuat mengikut borang yang disediakan (salinan fizikal dan/atau atas talian) yang hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat Persatuan yang akan dibentang dimesyuarat JPM, yang sesuai untuk pertimbangan dan kelulusannya.

4.7 Murid tua MCKK yang bukan Ahli Seumur Hidup dan tidak pernah dilucutkan keahlian MCOBA pada atau sebelum tarikh harijadi murid tua yang ke 70

boleh memohon menjadi Ahli Seumur Hidup selepas mencapai umur 70 tahun. Manakala, mana-mana Ahli Biasa pula secara automatik, akan menjadi Ahli Seumur Hidup tanpa membayar yuran pendaftaran dan dikecualikan membayar yuran tahunan selepas itu.

4.8 Tertakluk kepada sesuatu sekatan yang diperuntukkan didalam Perlembagaan ini, Ahli Biasa dan Ahli Seumur Hidup layak mencalonkan, dicalonkan dan dipilih sebagai anggota JPM di sesuatu Mesyuarat Agung. Ahli Biasa boleh memohon menjadi Ahli Seumur Hidup dengan syarat beliau membuat permohonan mengikut Perlembagaan dan membuat semua bayaran yang diperlukan berkaitan dengan permohonan menjadi Ahli Seumur Hidup.

4.9 Ahli Biasa juga boleh membayar Yuran ke hadapan untuk mana-mana tahun kewangan akan datang.

4.10 Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan yuran pendaftaran dan yuran keahlian seperti yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Bagi Ahli Biasa, yuran pendaftaran adalah RM 30 dan yuran keahlian tahunan ialah RM 25. Bayaran yuran pendaftaran dan yuran tahunan pertama pemohon hendaklah dibuat sepenuhnya semasa memohon menjadi Ahli Biasa. Bagi Ahli Seumur Hidup, yuran pendaftaran adalah RM30 dan yuran seumur hidup sebanyak RM330, Kedua-duanya hendak dibayar semasa permohonan dibuat kecuali bagi permohonan Ahli Seumur Hidup yang mengikut peruntukan Fasal 4.7 di mana pemohon dikecualikan daripada pembayaran yuran pendaftaran dan yuran keahlian.

4.11 Yuran bagi Ahli Pelajar adalah RM 10 yang perlu dibayar semasa dipilih menjadi ahli. Ahli Bersekutu perlu membayar hanya yuran pendaftaran sebanyak RM 30 sahaja.

4.12 Yuran pendaftaran dan keahlian perlu dibayar sewaktu Ahli Biasa itu dipilih menjadi Ahli. Yuran keahlian bagi tahun seterusnya perlu dibayar pada atau sebelum 1hb Januari setiap tahun atau selewat-lewatnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung yang akan datang.

4.13 Selain daripada yuran pendaftaran dan keahlian yang ditetapkan, Ahli Seumur Hidup tidak dikenakan bayaran yuran tahunan.

4.14 Ahli yang yurannya tertunggak tidak layak untuk mengundi dan tidak layak mencalonkan atau menjadi calon bagi dipilih menjadi anggota JPM.

TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI

4.15. Setiap Ahli hendaklah menghormati dan mematuhi Perlembagaan dan peraturan-peraturan lain yang dibuat di bawahnya.

- 4.16 Tertakluk kepada peruntukan lain dalam Perlembagaan, setiap Ahli berhak menghadiri dan mengambil bahagian di dalam mana-mana kegiatan MCOBA.
- 4.17 Juga tertakluk kepada peruntukan lain dalam Perlembagaan, setiap Ahli Biasa dan Ahli Seumur Hidup berhak mengundi, menjadi calon, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan dalam MCOBA. Hak-hak tersebut tidak boleh diwakilkan kepada orang lain.
- 4.18 Seseorang Ahli tidak berhak mengundi, menjadi calon, dipilih atau dilantik untuk apa-apa jawatan atau perlantikan dalam MCOBA sekiranya tidak menjelaskan semua Yuran sehingga ketahuan kewangan dalam mana pengundian pencalonan atau perlantikan itu dibuat.
- 4.19 Tertakluk juga kepada peruntukan lain dalam Perlembagaan, seseorang Ahli tidak layak atau dilantik memegang mana-mana jawatan dalam MCOBA, atau jika telah dipilih atau dilantik, akan dengan serta merta gugur pemilihan atau perlantikannya itu, jika:
- 4.19.1 menjadi Ahli kurang dari dua belas (12) bulan sebelum tarikh pilihan atau lantikan berkenaan; atau
- 4.19.2 terlucut atau tergantung keahliannya mengikut Fasal 5 Perlembagaan.
- 4.20 Seseorang Ahli Bersekutu atau Ahli Kehormat boleh menghadiri Mesyuarat Agung dan memberi pendapat, fikiran, syor atau cadangan tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam Mesyuarat Agung, juga tidak berhak dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan dalam JPM.
- 4.21 Walau apa pun peruntukan sebaliknya dalam Perlembagaan, seseorang Ahli akan dengan sendirinya lucut keahliannya dan hilang hak-haknya sebagai Ahli jika:
- 4.21.1 Disahkan gila; atau
- 4.21.2 Dipecat dari menjadi Ahli atas apa-apa sebab oleh JPM; atau
- 4.21.3 Yuran keahlian yang tertunggak melebihi dua (2) tahun berturut-turut; atau
- 4.21.4 Membawa atau menyaman MCOBA dan/atau JPM dan/atau Presiden dan/atau mana-mana anggota JPM ke Mahkamah atas apa-apa perkara sekalipun bersabit MCOBA atau pengurusan dan pentadbirannya sebelum mengemukakan aduan atau persoalannya ke JPM dan/atau sebelum menunggu keputusan Jawatankuasa Kecil Peraturan dan Disiplin yang ditubuhkan oleh JPM menurut peruntukan Perlembagaan.
- 4.22 Tertakluk kepada peruntukan lain dalam Perlembagaan, seseorang Ahli akan dengan sendirinya tergantung keahliannya sekiranya gagal membayar Yuran

dalam tempoh yang ditetapkan dan pengantungan itu akan berkuatkuasa dari tarikh akhir tempoh bayaran Yuran sepatutnya dibuat sehingga ke tarikh bayaran sebenarnya dibuat.

4.23 Ahli yang digantung dan/atau tergantung keahliannya tidak berhak:

4.23.1 Mengundi, menjadi calon, dipilih dan dilantik untuk apa-apa jawatan dalam MCOBA;

4.23.2 Bersuara atau memberi pendapat di dalam Mesyuarat Agung atau mana mana mesyuarat MCOBA; dan

4.23.3 Menikmati apa-apa hak, kemudahan dan keistimewaan sebagai Ahli selain daripada apa yang dibenarkan dalam Perlembagaan.

4.24 Tiada sesiapa pun kecuali Presiden boleh membuat apa-apa kenyataan kepada media am seperti akhbar dan sebagainya termasuk tetapi tidak terhad kepada media elektronik dan/atau media sosial berkenaan apa-apa isu yang melibatkan MCOBA tanpa mandat atau kebenaran daripada JPM.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

TATATERTIB

5.1. Ahli boleh dikenakan tindakan tatatertib termasuk mengakibatkan penggantungan atau perlucutan atau pemecatan keahliannya, dan/atau membayar denda, membayar ganti rugi, memohon maaf dan sebagainya jika:

5.1.1 Berkelakuan buruk yang boleh menjejaskan, menjatuhkan atau mencemarkan nama baik MCOBA dan/atau MCKK; atau

5.1.2 Mengadakan ceramah atau mengeluarkan surat, risalah, makalah, majalah, buku atau kariah yang ada unsur-unsur fitnah, mencela, mengeji atau memburukkan MCOBA dan/atau MCKK dan/atau Ahli termasuk mengeluarkan kenyataan seperti di atas melalui media elektronik dan/atau media sosial; atau

5.1.3 Tanpa menyekat mana-mana peruntukan di atas, melanggar apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan termasuk kegagalan membayar yuran yang ditetapkan, apa-apa Peraturan dan Undang-Undang Kecil atau arahan dibuat di bawahnya dan oleh JPM.

5.2. Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas seseorang Ahli oleh Jawatankuasa Tribunal Tatatertib berkenaan yang ditubuhkan mengikut Fasal Perlembagaan oleh JPM untuk

antara lainnya, mendengar, menyiasat dan membuat keputusan berpatutan.

5.3 Sesiapa yang telah dikenakan tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Tribunal Tatatertib berkenaan boleh membuat rayuan kepada JPM dalam masa 1 bulan dari tarikh tindakan tersebut dikenakan. Setelah mendengar permohonan rayuan, JPM berkuasa membuat sebarang keputusan yang dirasakan berpatutan dan munasabah.

PROSIDING TATATERTIB

5.4 JPM dari semasa ke semasa boleh membuat Undang-Undang Kecil mengenai perjalanan tatatertib.

5.5 Sesuatu tindakan tatatertib boleh dikenakan atas kehendak JPM atau atas sesuatu aduan bertulis daripada Ahli.

5.6 JPM bolehlah melantik satu Jawatankuasa Tribunal Tatatertib, terdiri daripada (3) orang ahli JPM yang diberi kuasa membuat keputusan tindakan tatatertib.

5.7 Bagi setiap tindakan tatatertib, Jawatankuasa Tribunal Tatatertib hendaklah melantik sekumpulan tidak lebih dari 3 orang Ahli yang bukan anggota JPM ke dalam satu Panel Tatatertib.

5.8 Panel Tatatertib ini akan menyiasat, mendengar dan mencadangkan keputusan berkaitan dengan tindakan tatatertib kepada Jawatankuasa Tatatertib.

5.9 Jawatankuasa Tribunal Tatatertib berkenaan ini dalam keputusannya, yang hendaklah dicatat, boleh menjatuhkan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan.

RAYUAN

5.10 Ahli yang tidak bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Tribunal Tatatertib boleh membuat rayuan kepada JPM dalam tempoh 10 hari dari keputusan itu dibuat. JPM tanpa kehadiran ahli Jawatankuasa Tribunal Tatatertib boleh mengesahkan, mengubah atau memansuhkan keputusan Jawatankuasa Tribunal Tatatertib berkenaan atau membuat apa-apa keputusannya sendiri yang difikirkannya wajar.

5.11 Ahli yang tidak bersetuju dengan keputusan JPM itu pula boleh membuat rayuan kepada Majlis MCOBA dalam tempoh 60 hari dari keputusan itu dibuat melalui satu Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diminta diadakan oleh sekumpulan sekurang-kurangnya 50 orang Ahli.

5.12 Dalam konteks ini, JPM hendaklah memanggil satu Mesyuarat Agung Luar Biasa Persatuan untuk membincangkan rayuan ini dan seterusnya membuat keputusan dalam masa 14 hari selepas dari tarikh Mesyuarat Agung Luar Biasa

ditangguhkan.

5.13 Pengundian hendaklah diadakan secara rahsia jika dikehendaki oleh 5 atau lebih orang Ahli yang hadir.

5.14 Korum Mesyuarat Agung Luar Biasa Persatuan bagi maksud ini adalah 30 Ahli yang hadir.

5.15 Rayuan itu boleh diterima atas keputusan Majlis MCOBA dengan undian majoriti daripada Ahli yang hadir dan mengundi. Keputusan Majlis MCOBA itu adalah muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh JPM.

KEMASUKAN SEMULA KEAHLIAN

5.16 Seseorang bekas Ahli yang telah memohon untuk masuk semula menjadi Ahli Persatuan boleh, selepas menetapi kehendak yang ditetapkan di bawah ini, diterima balik sebagai Ahli di atas budibicara JPM.

5.17 Peruntukan Perlembagaan, berkaitan dengan permohonan baharu keahlian terpakai kepada semua permohonan untuk kemasukan semula.

5.18 Melainkan diketepikan menurut Perlembagaan, adalah menjadi syarat terdahulu kepada permohonan kemasukan semula Ahli berkenaan tertakluk kepada menunaikan bayaran seperti berikut: -

5.18.1 Sesuatu bayaran yuran yang tertunggak daripada masa beliau terhenti menjadi Ahli;

5.18.2 yuran tahun semasa; dan

5.18.3 Khas kepada Ahli yang telah dipecat mengikut Perlembagaan, satu denda bersamaan amaun yuran untuk setahun.

5.19 Seseorang Ahli yang gagal membuat rayuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan, boleh memohon untuk ditarik balik sesuatu penggantungan keahliannya, dan boleh selepas menetapi kehendak yang ditetapkan di dalam Perlembagaan, mendapatkan penggantungan ditarik balik atas budi bicara Majlis MCOBA jika usulnya yang dibentangkan di dalam sesuatu Mesyuarat Agung Luar Biasa Persatuan diluluskan dengan majoriti mereka yang hadir dan mengundi.

5.20 Melainkan diketepikan mengikut Perlembagaan, adalah menjadi syarat terdahulu untuk penarikan balik penggantungan keahlian berkenaan, beliau membuat bayaran yang berikut: -

5.20.1 Sesuatu bayaran yuran yang tertunggak daripada waktu Ahli itu telah digantung; dan

5.20.2 Yuran tahunan semasa.

5.23 Majlis MCOBA dan/atau JPM boleh dalam keadaan luar biasa, mengetepikan semua atau sesuatu pembayaran yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

SUMBER KEWANGAN

6.1 Kewangan MCOBA diperolehi dari:-

6.1.1 Bayaran Pendaftaran, Yuran dan bayaran-bayaran lain atau apa-apa pendapatan yang dibenarkan oleh Perlembagaan;

6.1.2 Derma-derma dan sumbangan-sumbangan dari Ahli dan bukan Ahli; dan

6.1.3 Usaha-usaha jualan, niaga dan sebagainya yang dibenarkan oleh Perlembagaan.

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

MAJLIS MCOBA, MESYUARAT AGUNG, PROSEDUR, UNDI

MAJLIS MCOBA

Persatuan hendaklah dikuasai oleh satu badan terdiri daripada Ahli Biasa dan Ahli Seumur Hidup yang berkumpul dalam sesuatu Mesyuarat Agung yang dianggap Majlis MCOBA.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM)

7.1 Anggota JPM layak menghadiri, berbincang dan mengundi di dalam sesuatu Mesyuarat Agung, tetapi sebagai Ahli sahaja, dan, tidak berhak mengundi sebagai anggota Jawatankuasa Pengurusan MCOBA.

7.2 Majlis MCOBA hendaklah memilih JPM, melainkan Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat, sekali setiap dua tahun di Mesyuarat Agung dan boleh mengamanahkan semua atau sesuatu kuasanya kepada Jawatankuasa Pengurusan itu. Jawatankuasa Pengurusan MCOBA boleh mengamanahkan semua atau sesuatu kuasanya kepada Jawatankuasa kecil yang telah ditubuhkannya.

7.3 Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan, hendaklah diadakan setiap tahun di tempat

dan masa yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan MCOBA termasuklah secara atas talian atau secara kacukan (hybrid) di antara fizikal dan maya, sekiranya difikirkan sesuai oleh JPM.

7.4 Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan hendaklah diadakan sekali setiap tahun tidak lewat daripada enam (6) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan Persatuan.

7.5 Agenda sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah, antara lain, mengandungi:–

7.5.1 Menerima dan meluluskan minit Mesyuarat Agung yang terakhir;

7.5.2 Membenteng Laporan Tahunan JPM bagi tahun terakhir;

7.5.3 Menerima dan meluluskan akaun Persatuan bagi tahun kewangan terakhir yang telah diaudit;

7.5.4 Memilih, dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang berkenaan, anggota JPM untuk satu penggal dua tahun berturut – turut, iaitu :–

7.5.4.1 Seorang Presiden;

7.5.4.2 Seorang Timbalan Presiden;

7.5.4.3 Dua orang Naib Presiden; dan

7.5.4.4 10 orang anggota biasa Jawatankuasa Pengurusan MCOBA

7.5.5 Memilih setiap tahun Juruaudit Luar yang bertauliah;

7.5.6 Menerima cadangan, dan jika diluluskan, memilih Presiden Kehormat Seumur Hidup;

7.5.7 Mempertimbangkan dan memutuskan dimana berpatutan :–

7.5.7.1 Usul untuk perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan,

7.5.7.2 Usul yang berkenaannya notis telah diberi seperti yang dikehendaki,

MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA (EGM)

7.6 Sesuatu Mesyuarat Agung Luarbiasa Persatuan boleh dipanggil pada bila – bila masa oleh JPM, atau, dalam tempoh 2 bulan selepas Persatuan menerima permintaan secara bertulis untuk tujuan itu daripada tidak kurang 50 ahli.

7.7 Permintaan seperti ini hendaklah menyatakan tujuan Mesyuarat dan hendaklah ditandatangani oleh yang meminta, dan, ditinggalkan di Pejabat Berdaftar Persatuan, dan boleh mengandungi beberapa dokumen yang serupa setiapnya ditandatangani oleh seorang atau lebih yang meminta.

7.8 Tidak ada hal lain, kecuali pengesahan minit Mesyuarat Agung Luarbiasa yang terakhir, melainkan yang telah ditetapkan oleh yang meminta, boleh diuruskan didalam sesuatu Mesyuarat Agung Luarbiasa.

7.9 Tiada Mesyuarat Agung Luarbiasa berkenaan perkara yang sama boleh dipanggil dalam tempoh sekurang – kurangnya 6 bulan selepas sudah Mesyuarat Agung Luarbiasa yang berkenaan.

NOTIS MESYUARAT AGUNG

7.10 Notis untuk setiap Mesyuarat Agung yang menyatakan tarikh, masa dan hal – hal yang diuruskan agendanya hendaklah dihantar kepada semua Ahli seperti berikut: –

7.10.1 Berkaitan dengan sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan notis bertulis hendaklah diberi kepada Ahli sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh Mesyuarat.

7.10.2 Berkaitan dengan sesuatu Mesyuarat Agung Luarbiasa notis bertulis hendaklah diberi kepada Ahli dalam tempoh sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat diadakan.

NOTIS USUL

7.11 Teks usul untuk dibentangkan disesuatu Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah sampai ke Persatuan tidak lewat daripada 7 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

7.12 Sesuatu usul yang mana notis diperlukan, seperti yang disebut diatas yang tidak dibuat, tidak boleh dipertimbangkan disesuatu Mesyuarat Agung Tahunan.

7.13 Notis bertulis kandungan sesuatu usul yang dicadang untuk dibentangkan oleh JPM disesuatu Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diedarkan kepada Ahli tidak lewat dari 14 hari sebelum tarikh Mesyuarat itu.

7.14 Usul hanya boleh dibentangkan oleh JPM atau seorang Ahli.

7.15 Setiap usul hendaklah dicadang dan disokong untuk dipertimbangkan, kecuali usul yang dibentangkan oleh JPM.

URUSAN MESYUARAT AGUNG

7.16 Setiap agenda Mesyuarat Agung Persatuan hendaklah disediakan oleh JPM.

7.17 Korum bagi Mesyuarat Agung hendaklah berjumlah 30 orang Ahli yang telah mendaftarkan diri dan hadir di permulaan mesyuarat, tetapi suatu pengundian boleh dijalankan sungguhpun beberapa Ahli telah meninggalkan bilik mesyuarat termasuklah yang hadir secara maya sekiranya ianya diadakan secara maya atau kacukan (hybrid).

7.18 Jika selepas setengah jam daripada masa Mesyuarat ditetapkan dari Korum tidak tercapai, maka Mesyuarat tertangguh kepada hari, masa dan tempat yang sama atau yang ditetapkan oleh JPM sebelum mesyuarat bersurai, pada minggu berikutnya dan jika pada Mesyuarat yang telah ditangguh itu korum masih lagi tidak tercapai dalam tempoh setengah jam selepas masa Mesyuarat yang ditetapkan, maka Ahli yang hadir akan menjadi Korum sah dan Mesyuarat boleh dilangsungkan untuk urusan dijalankan. Jika Mesyuarat Agung itu dipanggil oleh Ahli dan Korum tidak di capai dalam tempoh yang sama maka, mesyuarat terubur dengan sendirinya.

7.19 Presiden hendaklah mempengerusikan semua Mesyuarat Agung. Walaubagaimanapun jika Presiden: –

7.19.1 Memerlukan pertolongan untuk menjalankan mesyuarat atau memerlukan Mesyuarat melantik Pengerusi mengantikannya atau beliau tidak dapat menghadiri Mesyuarat, maka, perkara pertama untuk diuruskan ialah perlantikan pengerusi.

7.19.2 Di dalam keadaan seperti di atas, mesyuarat hendaklah mempelawa, sebagai pengerusi, mereka yang berikut, mengikut keutamaan iaitu Timbalan Presiden, seseorang Naib Presiden atau akhirnya seseorang Ahli.

7.19.3 Pengerusi kemudiannya hendaklah disahkan dengan cara dipilih melalui undi.

7.19.4 JPM hendaklah membantu pengerusi untuk menguruskan Mesyuarat Agung dan Setiausaha Kehormat, atau gantinya, yang dilantik oleh JPM, hendaklah mencatatkan minit mesyuarat.

7.19.5 Pengerusi akan memutuskan semua perkara berkenaan prosedur yang tidak diperuntukkan oleh Perlembagaan.

7.19.6 Sesuatu Mesyuarat Agung boleh ditangguhkan diatas usul Ahli bagi maksud itu, yang diluluskan dengan melebihi undi 2/3 Ahli yang hadir dan mengundi.

7.19.7 Setiap usul hendaklah dicadangkan oleh seorang Ahli dan disokong oleh seorang lagi sebelum ianya dibentang untuk dibincangkan.

7.19.8 Di mana beberapa pindaan kepada sesuatu usul dicadangkan, pindaan yang dicadangkan terakhir diundi dahulu dan jika diluluskan, ianya akan menjadi usul yang sebenarnya.

7.19.9 Pengundian boleh dibuat secara mengangkat tangan dan/atau secara atas talian di mana tataurusan berkenaannya boleh ditentukan oleh JPM dari semasa ke semasa kecuali Pengerusi atau seorang Ahli meminta pengundian secara rasmi dan rahsia.

7.19.10 Dalam semua soalan untuk diputuskan secara lebihan undi biasa, jika terdapat bilangan undi yang sama pengundian kedua hendaklah diadakan dan jika atas pengundian kedua itu terjadi lagi bilangan undi yang sama maka Pengerusi diberi undi kedua untuk ketetapan.

7.19.11 Pengundian secara rahsia hendaklah diadakan jika diarahkan oleh Pengerusi atau diminta oleh seseorang Ahli jika dibenarkan dibawah sesuatu undang – undang kecil yang berkuatkuasa.

7.19.12 Dalam pengiraan bilangan undi untuk menepatkan kelebihan undi, yang berkecuali dan undi rosak tidak boleh dikira.

7.19.13 Keputusan yang diambil di mana-mana Mesyuarat Agung berkuatkuasa serta merta melainkan peruntukan sebaliknya terkandung di dalam usul itu atau dikehendaki oleh Perlembagaan.

UNDI

7.20 Di setiap Mesyuarat Agung seorang Ahli mempunyai satu (1) undi berkenaan setiap usul.

7.21 Pengundian ke atas usul-usul berkenaan pemilihan Presiden, Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden dan ahli-ahli JPM boleh dijalankan secara fizikal dan/atau secara atas talian di mana tataurusan berkenaannya boleh ditentukan oleh JPM dari semasa ke semasa.

UNDIAN SECARA ATAS TALIAN

7.22 Pengundian secara atas talian boleh dilakukan dengan mengangkat tangan.

7.23 Sekiranya pengundian secara atas talian dilakukan dengan mengangkat tangan, platform digital atau alat yang dipilih harus membolehkan Persatuan mengadakan pengundian dengan cara mengangkat tangan. Platform tersebut mesti membolehkan Persatuan melihat Ahli-Ahli yang mengangkat tangan mereka secara atas talian.

- 7.24 Selepas pernyataan usul, Persatuan boleh meminta Ahli untuk mengangkat tangan mereka sewaktu undian dimulakan.
- 7.25 JPM boleh menentukan kaedah lain yang dianggap sesuai bagi menjalankan undian secara atas talian.
- 7.26 Prosiding pengundian akan direkodkan oleh Setiausaha Kehormat bagi mengelakkan percanggahan di kemudian hari.
- 7.27 Demi memastikan kelayakan Ahli untuk mengundi secara atas talian, JPM akan mengesahkan kelayakan Ahli yang akan mengundi secara atas talian. Pengesahan boleh dilakukan melalui: -
- 7.27.1 Pengesahan melalui e-mel yang ditetapkan oleh JPM; atau
- 7.27.2 Kaedah lain yang dianggap sesuai oleh JPM.
- 7.28 Untuk semua pengundian atas talian, perkara berikut akan disiarkan di laman web Persatuan (atau cara-cara lain yang difikirkan sesuai) sebelum pengundian bermula: -
- 7.28.1 Pemberitahuan rasmi mengenai waktu mengundi;
- 7.28.2 Senarai rasmi calon dan jawatan yang dicalonkan;
- 7.28.3 Penerangan mengenai setiap jawatan; dan
- 7.28.4 Manifesto setiap calon, jika ada.
- 7.29 Sekiranya berlaku kerosakan data, kehilangan data dan/atau perubahan yang disengajakan dalam pengundian secara atas talian atau secara kacukan (hybrid), Jawatankuasa yang dilantik bagi menguruskan prosiding pengundian dikehendaki untuk menyiasat keadaan tersebut dan akan menyerahkan semua penemuan kepada JPM.
- 7.30 JPM akan membuat keputusan mengenai bagaimana untuk meneruskan proses pengundian dan bagi menentukan kesahihan data pemilihan.
- 7.31 Pengundian atas talian akan bermula pada waktu ditetapkan oleh JPM waktu Malaysia dan tutup pada jam ditentukan oleh JPM waktu Malaysia pada hari Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan.
- 7.32 Jawatankuasa yang dilantik akan mengumumkan keputusan undi kepada Ahli yang hadir di Mesyuarat Agung Tahunan.

FASAL 8 JAWATANKUASA

PENGURUSAN PERSATUAN, JAWATANKUASA PENGURUSAN MCOBA

PENGURUSAN PERSATUAN

8.1 Pengurusan Persatuan dikurniakan kepada JPM dan selain daripada kuasa yang diberi kepadanya didalam Perlembagaan atau Akta, Jawatankuasa Pengurusan MCOBA boleh menjalankan semua kuasa dan membuat sesuatu tindakan yang telah diarah atau dikehendaki dijalankan mengikut usul Mesyuarat Agung Persatuan tertakluk kepada kehendak Akta dan Perlembagaan.

8.2 Kakitangan MCOBA

8.2.1 Tertakluk kepada yang di atas JPM mempunyai semua kuasa yang perlu untuk menjalankan tugas Persatuan dan urusan hariannya. JPM boleh mengamanahkan sesuatu kuasanya dan tugasnya kepada kakitangan yang dilantik oleh JPM

8.2.2 JPM boleh melantik kakitangan lain jika diperlukan dalam pengurusan Persatuan membantu Setiausaha Kehormat.

8.2.3 Kakitangan yang dilantik yang juga seorang Ahli tidak dibenarkan mencalon atau dicalonkan untuk sesuatu jawatan JPM semasa masih berkhidmat didalam MCOBA.

8.2.4 JPM berkuasa menguruskan kewangan, harta dan hutang Persatuan untuk sesuatu tujuan Persatuan dan menjalankan sesuatu perniagaan atau urusan Persatuan yang dibenarkan dibawah Akta.

8.3 Jawatankuasa Kecil, Kumpulan Tugas Khas

8.3.1 JPM boleh melantik dan mengamanahkan sesuatu tugas atau sebahagian tugasnya itu kepada sesuatu Jawatankuasa Kecil yang boleh mengandungi Ahli yang bukan anggota Jawatankuasa Pengurusan MCOBA.

Walau bagaimanapun Pengerusi Jawatankuasa Kecil ini hendaklah daripada anggota Jawatankuasa Pengurusan MCOBA.

8.3.2 JPM boleh melantik dan mengamanahkan sesuatu tugas atau kerja khas kepada seseorang Ahli atau satu kumpulan yang mengandungi Ahli sahaja.

8.3.3 Tanpa menyekat kuasa JPM di bawah Perlembagaan, JPM boleh menubuhkan

Jawatankuasa Kecil Pemilihan untuk mengendalikan dan menyenggarakan pencalonan dan pemilihan jawatan dalam JPM di sesuatu Mesyuarat Agung dengan syarat Ahli Jawatankuasa Pemilihan ini tidak layak dipilih atau dilantik kemana-mana jawatan dalam JPM berkenaan dan bersyarat juga Jawatankuasa Pemilihan tersebut bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung dan diberi semua kemudahan dan kebebasan menjalankan tugas secara adil dan saksama. Jawatan kuasa pemilihan ini boleh membuat peraturan secara

bertulis yang sewajarnya untuk menentukan agar pengendalian dan penyenggaraan pencalonan dan pemilihan jawatan dalam JPM diadakan dengan adil dan saksama. Peraturan seperti ini dianggap Peraturan yang telah dibuat oleh JPM.

8.3.4 Setiausaha Kehormat adalah ahli ex-officio di dalam sesuatu Jawatankuasa Kecil tetapi tidak mempunyai hak mengundi.

8.3.5 Semua Jawatankuasa Kecil dan kumpulan tugas khas hendaklah membuat laporan dari semasa ke semasa kepada Jawatankuasa Pengurusan MCOBA.

8.4 Undang-Undang Kecil

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya JPM boleh membuat sesuatu Undang-Undang Kecil (by law), Peraturan atau Arahan yang berkaitan. Sesuatu Undang-Undang Kecil (by law), Peraturan atau Arahan itu hendaklah disimpan di Pejabat Berdaftar MCOBA untuk senang dirujuk dan disemak oleh ahli jika perlu.

8.5 Daftar Ahli

JPM hendaklah menyediakan satu buku daftar Ahli dalam mana nama semua Ahli Biasa, Ahli Seumur Hidup, Ahli Kehormat, Ahli Bersekutu, Ahli Pelajar dicatat. Setiap Ahli bolehlah menyemak daftar tersebut sama ada secara hadir di pejabat MCOBA atau melalui cara lain dengan membuat bayaran RM5.00 setiap semakan

KEANGGOTAAN JPM

8.6 JPM hendaklah dianggotai oleh Presiden, Timbalan Presiden, dua orang Naib Presiden, Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat, 10 orang Anggota Biasa. Kesemuanya dari keahlian Persatuan dan kesemuanya dipilih disesuatu Mesyuarat Agung Tahunan yang berkenaan untuk tempoh penggal dua tahun berturut – turut mengikut Perlembagaan kecuali Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat yang dilantik oleh Presiden dan akan berkhidmat dalam tempoh yang sama.

8.7 Presiden dengan persetujuan JPM boleh melantik tidak lebih dari tiga (3) orang daripada Ahli MCOBA sebagai Anggota Biasa JPM dan akan berkhidmat dalam tempoh yang sama.

8.8 JPM boleh mengisi sesuatu kekosongan anggotanya yang terjadi dengan seorang Ahli dan beliau akan bertugas hingga habis penggal semasa Jawatankuasa Pengurusan MCOBA tersebut.

PENCALONAN PEMILIHAN DAN TEMPOH JPM

8.9 Anggota JPM melainkan Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat dan Ahli

JPM yang dilantik hendaklah dipilih disuatu Mesyuarat Agung Tahunan yang berkenaan dan akan bertugas untuk tempoh 2 tahun berturut-turut dan terus menjalankan tugasnya sehingga akhir Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan 2 tahun selepas pemilihan mereka. Tertakluk kepada sesuatu peruntukan, jika ada, yang menghalang seseorang anggota JPM layak dipilih semula.

8.10 Pencalonan bagi semua anggota JPM untuk dipilih boleh dibuat oleh Ahli MCOBA sahaja. Pencalonan hendaklah secara bertulis menggunakan borang yang ditetapkan dan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat MCOBA sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan berkaitan.

8.11 JPM yang ada boleh meneruskan tindakan semasa ada kekosongan anggotanya

dengan syarat, jika bilangan anggotanya kurang daripada kehendak korum untuk Mesyuaratnya maka JPM hendaklah mengisi kekosongan yang wujud.

8.12 Seseorang anggota JPM lucut keanggotaannya jika: –

8.12.1 Beliau muflis;

8.12.2 Beliau disahkan oleh pakar perubatan berkaitan, tidak siuman,

8.12.3 Beliau telah disabitkan oleh Mahkamah ke atas sesuatu kesalahan jenayah,

8.12.4 Beliau secara bertulis, melepaskan jawatan, dan

8.12.5 Dipecat melalui usul Mesyuarat Agung MCOBA; dan/atau

8.12.6 Bagi Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat apabila dilucutkan jawatannya oleh Presiden.

8.13 Jika terjadi kekosongan dalam JPM, kekosongan itu boleh diisi oleh JPM dengan seorang Ahli dan beliau akan bertugas sehingga pemilihan yang akan datang. Bagi Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat, penggantinya hendaklah dilantik oleh Presiden bagi tempoh perkhidmatan yang sama.

8.14 Anggota JPM tidak berhak mendapat ganjaran tetapi hendaklah dibayar balik oleh Persatuan semua perbelanjaan yang berpatutan dalam menjalankan tugas sebagai anggota JPM.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AHLI UNTUK DICALONKAN SEBAGAI PRESIDEN

8.14A Untuk dicalonkan dan seterusnya dilantik sebagai Presiden, seseorang ahli tersebut hendaklah terlebih dahulu mempunyai pengalaman berkhidmat dengan JPM sekurang-kurangnya selama 2 penggal atau pernah menjawat jawatan Timbalan Presiden dan/atau Naib Presiden sekurang-kurangnya selama 1 penggal dan/atau apa-apa syarat-syarat lain yang difikirkan sesuai oleh Persatuan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AHLI UNTUK DICALONKAN SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN

8.14B Untuk dicalonkan dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Presiden, seseorang ahli tersebut hendaklah terlebih dahulu mempunyai pengalaman berkhidmat dengan JPM sekurang-kurangnya selama 2 penggal atau pernah menjawat jawatan Naib Presiden sekurang-kurangnya selama 1 penggal dan/atau apa-apa syarat-syarat lain yang difikirkan sesuai oleh Persatuan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AHLI UNTUK DICALONKAN SEBAGAI NAIB PRESIDEN

8.14C Untuk dicalonkan dan seterusnya dilantik sebagai Naib Presiden, seseorang ahli tersebut hendaklah terlebih dahulu mempunyai pengalaman berkhidmat dengan JPM sekurang-kurangnya selama 1 penggal dan/atau apa-apa syarat-syarat lain yang difikirkan sesuai oleh Persatuan dari semasa ke semasa.

MESYUARAT JPM

8.15 JPM hendaklah bermesyuarat, menjalankan tugasnya, sekurang – kurangnya 6 kali setahun dan bebas mengaturnya secara yang difikirkannya sesuai.

8.16 Notis Mesyuarat hendaklah disampaikan kepada setiap anggota Jawatankuasa Pengurusan MCOBA oleh Setiausaha Kehormat sekurang – kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat yang ditetapkan melainkan dalam sesuatu keadaan terdesak, Presiden boleh memendekkan tempoh notis tersebut.

8.17 Presiden boleh memanggil sesuatu mesyuarat apabila berpendapat kepentingan sesuatu perkara tertentu memerlukan dan Presiden hendaklah memanggil juga sesuatu mesyuarat jika dikehendaki oleh sekurang – kurangnya 6 anggotanya.

8.16 Presiden hendaklah mempengerusikan sesuatu mesyuarat JPM, atau, jika Presiden tidak boleh atau enggan hadir, Timbalan Presiden hendaklah menjadi pengerusi atau jika tidak, anggota JPM yang hadir hendaklah melantik seorang daripada mereka menjadi pengerusi.

8.17 Korum bagi mesyuarat JPM ialah tidak kurang daripada separuh (1/2) anggota-anggota yang telah dipilih dan dilantik. Mesyuarat atau pun

pengundian boleh dijalankan sungguhpun beberapa ahli telah meninggalkan bilik mesyuarat.

8.18 Melainkan telah ditetapkan sebaliknya Perlembagaan, semua keputusan mesyuarat hendaklah dibuat secara persetujuan (concensus) atau jika diperlukan, secara undian bermajoriti. Di mana terdapat undian yang sama banyak Pengerusi berhak ke atas undian kedua untuk penentuan.

8.19 Sesuatu usul bertulis yang ditandatangani oleh semua anggota JPM adalah sah dan berkuatkuasa sepertinya telah diluluskan oleh mesyuarat JPM yang telah dipanggil dan dijalankan.

8.20 Setiausaha Kehormat Persatuan menjadi Setiausaha Mesyuarat dan bertugas mencatatkan minit melainkan jika dibenarkan, tugas ini boleh diambil alih oleh seseorang anggota JPM yang lain atau mana mana pihak yang dibenarkan oleh JPM.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

PEGAWAI UTAMA PERSATUAN

PEGAWAI UTAMA

9.1 Pegawai Utama Persatuan adalah Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat

9.2 Pegawai Utama tersebut hendaklah menjalankan tugas yang telah ditetapkan dibawah Akta atau Perlembagaan ini atau diserahkan oleh JPM dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGUNGJAWAB ANGGOTA ANGGOTA JPM

9.3 Presiden

9.3.1 Sebagai Presiden MCOBA dan Pengerusi JPM bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung terhadap kesempurnaan perjalanan MCOBA dan JPM;

9.3.2 Melantik dengan persetujuan JPM dalam tempoh tidak lebih daripada enam puluh (60) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang berkenaan Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat dari kalangan Ahli Biasa dan Ahli Seumur Hidup;

9.3.3 Menggantung atau memecat, atas apa-apa sebab yang diterima oleh JPM, Setiausaha Kehormat atau Bendahari Kehormat dan jika berlaku kekosongan mana-mana jawatan tersebut, melantik dengan persetujuan JPM pengganti dari kalangan Ahli Biasa dan Ahli Seumur Hidup dalam tempoh (60) hari

yang dari tarikh kekosongan berlaku;

9.3.4 Melantik, dalam tempoh tidak lebih daripada enam puluh (60) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang berkenaan, tidak lebih dari tiga(3) Ahli JPM

9.3.5 Menggantung atau memecat atas apa-apa sebab pun mana-mana Ahli JPM yang dilantik dan jika berlaku kekosongan mana-mana jawatan tersebut, melantik pengganti dari kalangan Ahli Biasa dan Ahli Seumur Hidup dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kekosongan berlaku;

9.3.6 Mempengurusikan Mesyuarat Agung dan mesyuarat JPM atau mesyuarat-mesyuarat MCOBA lain kecuali mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan.

9.3.7 Menjemput mana-mana orang perseorangan samada Ahli Biasa atau bukan Ahli untuk hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat MCOBA lain untuk menyumbang fikiran dan pendapat dengan syarat mereka yang dijemput tidak berhak mengundi atau membuat keputusan dalam mesyuarat tersebut;

9.3.8 Dengan persetujuan JPM, menubuh dan/atau mengarah penubuhan dan melantik Pengerusi dan ahli-ahli lain Jawatankuasa Cawangan tersebut menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan;

9.3.9 Menjalankan apa-apa usaha dan tugas selaras dengan keputusan Mesuarat Agung dan Perlembagaan; dan

9.3.10 Mencadangkan wakil-wakil MCOBA untuk menganggotai Lembaga Pengelola MCKK.

9.4 Timbalan Presiden

9.4.1 Bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung dan dalam tugas harian tertakluk kepada arahan Presiden jika tidak bercanggah dengan kehendak Mesyuarat Agung, Perlembagaan dan ketetapan JPM;

9.4.2 Membantu tugas-tugas Presiden;

9.4.3 Mempengerusikan Mesyuarat Agung, mesyuarat JPM dan mesyuarat-mesyuarat MCOBA lain jika Presiden tidak dapat berbuat demikian; dan

9.4.4 Memangku jawatan Presiden jika jawatan tersebut menjadi kosong atas apa-

apa sebab atau jika dipertugaskan secara bertulis oleh Presiden atas sebab keuzuran atau ketiadaan Presiden dalam Negara atau sebab-sebab lain dengan syarat, pertugasan sedemikian tidak boleh melebihi sembilan puluh (90) hari. Semasa memangku jawatan Presiden, Timbalan Presiden boleh menggunakan semua kuasa dan hak yang diperuntukkan kepada Presiden dalam Perlembagaan.

9.5 Naib-Naib Presiden

9.5.1 Bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung dan dalam tugas harian tertakluk kepada arahan Presiden jika tidak bercanggah dengan kehendak Mesyuarat Agung, Perlembagaan dan ketetapan JPM;

9.5.2 Membantu tugas-tugas Presiden;

9.5.3 Salah seorang Naib-Naib Presiden dengan persetujuan mesyuarat berkenaan boleh mempengerusikan Mesyuarat Agung, mesyuarat JPM dan mesyuarat-mesyuarat MCOBA lain jika Presiden dan Timbalan Presiden tidak dapat berbuat demikian; dan

9.5.4 Salah seorang Naib-Naib Presiden berdasarkan pemilihan JPM, boleh memangku jawatan Timbalan Presiden jika jawatan tersebut menjadi kosong atas apa-apa sebab atau jika dipertugaskan secara bertulis oleh Presiden atas sebab keuzuran atau ketiadaan Timbalan Presiden dalam Negara atau sebab-sebab lain dengan syarat, pertugasan sedemikian tidak boleh melebihi Sembilan puluh (90)hari. Semasa memangku jawatan Timbalan Presiden, beliau boleh menggunakan semua kuasa-kuasa dan hak-hak yang diperuntukkan kepada Timbalan Presiden.

9.6 Setiausaha Kehormat

9.6.1 Bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung dan dalam tugas harian bertindak atas segala arahan Presiden jika tidak bercanggah dengan kehendak mesyuarat Agung, Perlembagaan dan ketetapan JPM;

9.6.2 Bertanggungjawab melaporkan kepada Presiden segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran MCOBA;

9.6.3 Tertakluk kepada peruntukan lain dalam Perlembagaan, bertanggungjawab ke atas kesempurnaan Mesyuarat Agung, mesyuarat JPM dan mesyuarat-mesyuarat MCOBA lain jika berkenaan termasuk membuat dan mengedarkan notis, agenda dan catitan atau minit mesyuarat-mesyuarat tersebut;

9.6.4 Mengetuai dan membimbing perjalanan Urusetia MCOBA sebagaimana yang diperuntukkan Perlembagaan;

9.6.5 Menyediakan laporan tahunan berkenaan kegiatan dan kemajuan MCOBA untuk

kelulusan JPM dan jika dilulus dan diarah oleh JPM membentangkan laporan tersebut kepada Mesyuarat Agung;

9.6.6 Menyediakan apa-apa laporan yang diarahkan oleh JPM atau Presiden untuk dibentangkan kepada JPM;

9.6.7 Menyediakan dan mengemaskini Buku Daftar Ahli dan dengan pihak-pihak lain;

9.6.8 Menjalankan segala kerja perhubungan dengan Ahli dan dengan pihak-pihak lain;

9.6.9 Mencari, menyiasat atau mendapatkan apa-apa maklumat yang perlu untuk menjalankan tugas dengan sempurna;

9.6.10 Atas arahan Presiden, memanggil Mesyuarat Agung dan mesyuarat JPM dan mesyuarat lain yang berkenaan;

9.6.11 Atas persetujuan Presiden, mengadakan atau mengatur aktiviti dan kegiatan untuk MCOBA dan ahli;

9.6.12 Mewujudkan rangkaian dengan Agensi-Agensi Kerajaan dan pihak-pihak lain samada pertubuhan, syarikat atau orang perseorangan di dalam atau di luar Negara untuk kebaikan dan kepentingan MCOBA; dan

9.6.13 Menjalankan apa-apa tugas lain yang dikendaki atau dimaksudkan oleh Perlembagaan.

9.7 Bendahari Kehormat

9.7.1 Bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung dan dalam tugas harian bertindak atas segala arahan Presiden jika tidak bercanggah dengan kehendak Mesyuarat Agung, Perlembagaan ini dan ketetapan JPM;

9.7.2 Bertanggungjawab terhadap kesempurnaan pengurusan kewangan MCOBA;

9.7.3 Bertanggungjawab terhadap kutipan, pungutan dan penerimaan yuran, sumbangan, derma dan bayaran-bayaran lain dari Ahli atau pihak-pihak lain;

9.7.4 Bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun-akaun MCOBA dalam mana-mana institusi kewangan termasuk kemasukan dan pengeluaran wang cek dan sebagainya yang teratur;

9.7.5 Kecuali jika diputuskan selainnya oleh JPM, bertanggungjawab terhadap penyimpanan apa-apa dokumen yang penting atau bernilai kepada MCOBA

termasuk wang tunai, buku-buku cek, surat hakmilik harta, sijil saham, sijil insuran, perjanjian-perjanjian dan sebagainya;

9.7.6 Menyiapkan dan mengemaskinikan Senarai Harta MCOBA yang mengandungi senarai semua asset termasuk tanah, bangunan, kenderaan, mesin, peralatan, perabut, alat-alat pejabat dan sebagainya berserta maklumat yang sewajarnya.

9.7.7 Menyediakan penyata kewangan tahunan atau apa-apa laporan kewangan MCOBA untuk, jika berkenaan, diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit yang dilantik oleh Mesyuarat Agung.

9.7.8 Membentangkan laporan kewangan tahunan MCOBA yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit kepada JPM dan seterusnya kepada Mesyuarat Agung Tahunan;

9.7.9 Mewujudkan rangkaian dengan institusi-institusi kewangan di dalam dan di luar Negara demi kepentingan MCOBA dan Ahli;

9.7.10 Menyediakan dasar kewangan MCOBA untuk kelulusan JPM;

9.7.11 Berusaha menambah sumber tabung kewangan MCOBA; dan

9.7.12 Menjalankan apa-apa tugas lain yang dikehendaki atau dimaksudkan oleh Perlembagaan.

9.8 Ahli JPM

9.8.1 Bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung dan dalam tugas harian kepada segala arahan Presiden jika tidak bercanggah dengan kehendak Mesyuarat Agung, Perlembagaan dan ketetapan JPM; dan

9.8.2 Membantu kesempurnaan pengurusan dan pentadbiran MCOBA melalui JPM dan khususnya menjalankan apa-apa tugas dan tanggungjawab yang diamanatkan oleh JPM atau Presiden untuk kesempurnaan pengurusan dan pentadbiran tersebut; dan

9.8.3 Salah seorang Ahli JPM, berdasarkan pemilihan JPM, boleh memangku jawatan Naib Presiden jika jawatan tersebut menjadi kosong atas apa-apa sebab atau jika dipertugaskan secara bertulis oleh Presiden atas sebab keuzuran atau ketiadaan mana-mana Naib Presiden dalam negara atau sebab-sebab lain dengan syarat pertugasan sedemikian tidak boleh melebihi Sembilan puluh (90)hari. Semasa memangku jawatan Naib Presiden,

beliau boleh menggunakan semua kuasa-kuasa dan hak-hak yang diperuntukkan kepada Naib Presiden.

FASAL 10 KEWANGAN

AKAUN PERSATUAN

10.1 Melainkan ditetapkan sebaliknya oleh Majlis MCOBA dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Tahun Kewangan Persatuan akan ditutup pada 31 hb Disember dalam sesuatu tahun dan satu penyata kewangan tahunan hendaklah disediakan dan diaudit secepat mungkin.

10.2 JPM hendaklah diberi tugas untuk menyimpan di Pejabat Berdaftar Persatuan akaun yang benar berkenaan penerimaan dan pembayaran dan perbelanjaan tunai dan harta dan hutang Persatuan atau disesuatu tempat yang lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan MCOBA dari semasa ke semasa tertakluk kepada kehendak Akta.

10.3 Tertakluk kepada sekatan yang berpatutan yang dikenakan oleh JPM berkenaan dengan cara dan masa untuk memeriksanya akaun hendak dibuka kepada pemeriksaan Ahli dalam waktu berkerja.

10.4 JPM hendaklah membentangkan kepada Mesyuarat Agung MCOBA, untuk diluluskan di setiap Mesyuarat Agung Tahunan satu akaun yang telah diaudit bagi tahun yang akhir.

10.5 JPM hendaklah mengawal semua akaun Persatuan menerusi Bendahari Kehormat yang berkuasa dan menyiapkan rekod yang lengkap berkenaan kewangan, pendapatan dan perbelanjaan Persatuan dan bertanggungjawab membentangkan akaun beraudit tahunan.

10.6 Satu kenyataan akaun meliputi tempoh selepas mesyuarat JPM sebelum itu hendaklah dibentangkan disesuatu mesyuarat JPM.

FASAL 11 JURUAUDIT

11.1 Memilih setiap tahun Juruaudit Luar yang bertauliah

FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

FASAL 12 PENTADBIR HARTA

HARTA TAK ALIH DAN PEMEGANG AMANAH

12.1 Tertakluk kepada peruntukan Seksyen 9(b), Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335), harta tak alih iaitu tanah dan bangunan kepunyaan MCOBA hendaklah didaftar atas nama MCOBA. Presiden, Timbalan Presiden semasa hendaklah dinamakan sebagai pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menguruskan harta tersebut. Mereka, dengan kuasa Mesyuarat Agung berkuasa membeli, menjual, menggadai, memajak, menyewa, menukar hakmilik, menyerah, memaju atau membuat pelbagai urusan berhubung dengan harta tersebut sebagaimana yang ditentukan oleh Mesyuarat Agung.

12.2 Harta tak alih Persatuan boleh diletakkan di bawah kawalan Pemegang Amanah jika difikirkan perlu oleh JPM.

12.3 Bagi maksud Fasal 12.4 di atas, tidak lebih daripada 4 orang Pemegang Amanah boleh dilantik di Mesyuarat Agung Persatuan.

12.4 Harta tak alih Persatuan boleh dipegang oleh Pemegang Amanah secara bersama atau berasingan.

12.5 Tanggungjawab pengurusan sesuatu harta dan pelaburan Persatuan itu dan pembayaran keluar berkaitannya terletak di bawah Persatuan semata-mata.

12.6 Semua Pemegang Amanah hendaklah murid tua The Malay College Kuala Kangsar.

12.7 Seseorang Pemegang Amanah yang terhenti menjadi Pemegang Amanah atas apa-apa sebab pun dianggap telah dilepaskan daripada tugasnya sebagai Pemegang Amanah dan boleh diganti dan sesuatu penggantian itu boleh dibuat di Mesyuarat Agung untuk tempoh yang belum tamat pegawai yang henti itu.

12.8 Atas pertukaran seseorang Pemegang Amanah, perintah hendaklah didapatkan untuk mengurniakan sesuatu harta atau pelaburan Persatuan ke dalam pegangan Pemegang Amanah itu secara persendirian atau bersama dengan Pemegang Amanah yang lain, jika ada.

12.9 Atau pun, JPM atas persetujuan Persatuan dalam Mesyuarat Agung boleh melantik bagi tempoh yang ditetapkan, sesuatu bank atau sesuatu badan yang sesuai menjadi pemegang amanah tunggal harta Persatuan dan mentapkan ganjaran, jika ada untuk dibayar kepada Pemegang Amanah tunggal itu.

12.10 Wang-wang hasil perolehan daripada harta tak alih persatuan iaitu (a) wang wang pokok berbentuk deposit dan dua persen Nett Development Value daripada Perjanjian 21 Februari 2017 dan (b) wang-wang pokok keuntungan daripada niaga Tanah Bestari Jaya hendaklah dikekalkan sebagai modal MCOBA. Pihak Jawatankuasa Pengurusan MCOBA boleh menggunakan wang-wang tersebut bagi maksud pelaburan dalam produk-produk kewangan patuh Syariah yang bersifat "capital protected". Bagi tujuan lain, Jawatankuasa Pengurusan MCOBA hanya boleh bertindak dengan kelulusan Mesyuarat Agung.

TAFSIRAN

13.1 Jika berbangkit sebarang perselisihan atau salah faham berkenaan tafsiran sebarang konteks, rangkaian, ayat atau perkataan yang terkandung didalam Perlembagaan dan/atau Perintah, Peraturan atau Undang - Undang Kecil yang dibuat oleh JPM, maka perselisihan atau salah faham itu mestilah dirujuk kepada JPM untuk membuat tafsirannya dan tafsiran yang diberikan oleh JPM itu adalah muktamad.

FASAL 14 **PENASIHAT / PENAUNG**

PENAUNG DAN PRESIDEN KEHORMAT SEUMUR HIDUP

14.1 JPM berkuasa mengundang seseorang kenamaan menjadi Penaung Persatuan dengan kebenaran Majlis MCOBA.

14.2 JPM dengan persetujuan Majlis MCOBA boleh menjemput dan melantik mana-mana bekas Presiden MCOBA untuk menjadi Presiden Kehormat Seumur Hidup dengan syarat tidak lebih dari dua (2) orang dalam satu – satu masa.

FASAL 15 **LARANGAN**

15.1 Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Jadual 1 dan 2, Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 tidak boleh dimainkan di premis Pertubuhan

15.2 Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definasi di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959;

15.3 “Faedah” seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya.

FASAL 16 **PINDAAN PERLEMBAGAAN**

PINDAAN PERLEMBAGAAN

16.1 Perlembagaan ini atau sesuatu peruntukannya boleh dimansuhkan atau dipinda di sesuatu Mesyuarat Agung Persatuan melalui satu usul dengan syarat usul bagi maksud itu hendaklah diluluskan dengan majoriti tidak kurang daripada 2/3 oleh Ahli yang hadir dan mengundi.

16.2 Sesuatu pindaan atau pemansuhan Perlembagaan ini hendaklah disampaikan

kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 60 hari selepas diluluskan oleh Majlis MCOBA untuk kelulusan Pendaftar itu. Tanpa kelulusan itu, pemindaan atau pemansuhan itu tidak boleh berkuatkuasa.

FASAL 17 PEMBUBARAN

PEMBUBARAN

17.1 Persatuan Murid Tua The Malay College Kuala Kangsar atau MCOBA tidak boleh dibubar melainkan dengan usul yang diterima secara sebulat suara dari semua Ahli yang berhak mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luarbiasa Persatuan yang diadakan khas untuk tujuan itu. Notis tentang pembubaran mestilah dikemukakan dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari dari tarikh pembubaran itu kepada Pendaftar Pertubuhan.

17.2 Jika berlaku pembubaran mengikut Fasal ini sebarang harta dan aset MCOBA yang ada setelah menjelaskan semua hutang dan tanggungan hendaklah diperuntukkan kepada atau untuk faedah MCKK.

PEMANSUHAN

17.3 Semua Perlembagaan sebelum ini dan Peraturan, Perintah atau Undang – Undang Kecil yang diperbuat dibawahnya dimansuhkan apabila Perlembagaan ini diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 18 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera
 -
 - Keterangan
 -
2. Lambang



Keterangan
LAMBANG

PENGENALAN

Lambang Persatuan Murid Tua The Malay College Kuala Kangsar adalah serupa dengan lencana The Malay College Kuala Kangsar kecuali riben di kaki lambang MCOBA bertulis "MCOBA" seperti yang digambarkan dilampiran, sementara riben di kaki lencana The Malay College Kuala Kangsar bertulis "Fiat Sapientia Virtus"

RUPA BENTUK

Lambang MCOBA berbentuk sebuah perisai berpetak 4 berwarna (bermula dari utara kiri mengikut pusingan jam) putih, merah, kuning dan hitam. Sebuah keris terhunus berdiri ditengah perisai. Perisai dikelilingi kalungan padi dan dimahkotakan oleh kepala harimau. Kaki lambang disempurnakan dengan satu riben kuning bertulis "MCOBA".

PENGERTIAN

4 petak perisai dengan warna yang berlainan melambangkan DYMM Raja – Raja bagi negeri - negeri yang dulunya, dibawah pemerintahan British, dikenali sebagai Negeri - Negeri Melayu Bersekutu. Raja – Raja ini memainkan peranan utama dalam penubuhan The Malay College Kuala kangsar pada tahun 1905. Mereka terdiri daripada Sultan Idris, Perak (petak berwarna putih); Sultan Sulaiman, Selangor (petak berwarna merah); Yang Di Pertuan Besar Mohd Shah, Negeri Sembilan (petak berwarna kuning); dan Sultan Ahmad, Pahang (petak berwarna hitam). Nama Raja – Raja berserta warna-warna tersebut masih terus di abadikan dalam nama – nama 4 rumah dalam mana semua murid The Malay College Kuala Kangsar dikumpulkan.

Keris terhunus berdiri di tengah perisai melambangkan jati – diri yang adil dan bermaruah.

Kalungan padi sebagai makanan utama rakyat Malaysia melambangkan kuasa, kekuatan dan kebajikan rakyat.

Kepala harimau melambangkan keberanian dan kecekalan menghadapi cabaran.

Kuning sebagai warna emas adalah juga warna Di Raja. Daripada itu, warna kuning riben melambangkan naungan Raja-Raja Melayu ke atas The Malay College Kuala Kangsar.

3. Lencana
 -
 - Keterangan
 -

FASAL 19 **DEFINISI**

DEFINISI

Di dalam Perlembagaan ini, perkataan dan ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain: -

“AHLI” – Bermakna Ahli Biasa Persatuan, Ahli Seumur Hidup Persatuan, Ahli Kehormat, Ahli Bersekutu dan Ahli Pelajar;

“AKTA” – Bermakna Akta Pertubuhan Malaysia 1966;

“ARAHAN” – Bermakna arahan yang dibuat oleh JPM;

“JAWATANKUASA” atau “JPM” – Bermakna Jawatankuasa Pengurusan MCOBA yang ditubuhkan mengikut Fasal 8;

“JAWATANKUASA KECIL” – Bermakna Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan oleh JPM;

“JURUAUDIT” – Bermakna juruaudit bertauliah yang didaftarkan di Malaysia;

“KAKITANGAN” – Bermakna seseorang yang digajikan oleh Persatuan bertugas dengan Persatuan dan menerima ganjaran;

“KEAHLIAN” – Bermakna keahlian MCOBA;

“MAJLIS MCOBA” – Bermakna badan Penguasa MCOBA;

“MCKK” – Bermakna The Malay College Kuala Kangsar;

“MCOBA” – Bermakna Persatuan Murid-Murid Tua The Malay College Kuala Kangsar atau The Malay College Old Boys Association;

“MELAYU” – Bermakna mengikut definisi di dalam Perlembagaan Persekutuan;

“MESYUARAT AGUNG” – Bermakna Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan atau Mesyuarat Agung Luarbiasa Persatuan;

“MURID” – Bermakna sesiapa yang sedang menjalani pendidikan sebagai murid di MCKK;

“MURID TUA” – Bermakna sesiapa yang telah pernah belajar dan didaftarkan sebagai murid di MCKK;

“PEGAWAI UTAMA” – Bermakna pegawai yang ditafsirkan sebagai itu di bawah Fasal 9;

“PENDAFTAR PERTUBUHAN” – Bermakna Pegawai yang dilantik di bawah Akta Pertubuhan Malaysia 1966 yang diberi kuasa mengawal semua pertubuhan yang didaftar di bawah Akta itu;

“PERLEMBAGAAN” – Bermakna Perlembagaan ini;

“PERATURAN” – Bermakna Peraturan yang dibuat oleh JPM;

“PERINTAH” – Bermakna Perintah yang dibuat oleh JPM;

“PERSATUAN” – Bermakna MCOBA;

“PRESIDEN” – Bermakna Presiden MCOBA;

“PEMEGANG AMANAH” – Bermakna seseorang Ahli, yang bukan anggota JPM, yang diamanahkan memegang dan mengawal semua harta tak alih, termasuk bangunan dan pelaburan Persatuan yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Persatuan mengikut Fasal 12;

“TAHUN KEWANGAN” – Bermakna seperti yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung mengikut Perlembagaan;

“UNDANG-UNDANG” – Bermakna undang-undang Malaysia; dan

“UNDANG-UNDANG KECIL” – Bermakna undang-undang kecil Persatuan yang diluluskan dan dikuatkuasakan oleh JPM.

FASAL 20 **JAMINAN, GANTI RUGI**

20.1 Persatuan dengan serta merta akan menjamin memberi ganti rugi kepada semua ahli JPM dan kakitangan MCOBA dan mereka tidak akan

dipertanggungjawabkan ke atas satu kos, perbelanjaan, bebanan dan hukuman yang berbangkit daripada sesuatu tindakan mahkamah atau tuntutan terhadap Persatuan atau mereka tersebut di atas akibat tindakan mereka menjalankan tanggungjawab mereka yang sah berkenaan Persatuan.

20.2 DENGAN SYARAT bahawa seseorang yang berhak dijamin seperti di atas tidak boleh mendapat jaminan tersebut di mana punca kos, perbelanjaan, bebanan dan hukuman dan tuntutan tersebut adalah, dalam pendapat JPM, disebabkan oleh tindakan yang tidak sah.

FASAL 21 **BAHASA**

Bahasa rasmi Persatuan dan Perlembagaan ini adalah Bahasa Melayu. Bagaimanapun, JPM mempunyai budibicara untuk menguruskan penterjemahan Perlembagaan ini ke dalam Bahasa Inggeris. Dengan syarat, jika berbangkit perbezaan berkaitan pentafsiran antara naskah Bahasa Melayu dengan bahasa lain itu, maka, tafsiran mengikut naskah Bahasa Melayu adalah terpakai.

FASAL 22 **PERTIKAIAN**

PERTIKAIAN

Sesuatu pertikaian yang berbangkit antara JPM dan seseorang Ahli atau antara Ahli sama Ahli berikutan dengan pengurusan Persatuan atau pelaksanaan Perlembagaan, pihak berkenaan hendaklah berikhtiar seboleh-bolehnya menyelesaikan pertikaian tersebut dengan cara kata sepakat dan kemesraan.

FASAL 23 **CAWANGAN**

23.1 Perlembagaan ini membolehkan sesuatu Cawangan MCOBA atau Chapter ditubuhkan di dalam atau di luar negara.

23.2 Penubuhan sesuatu Cawangan MCOBA ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPM dari semasa ke semasa.

23.3 Semua Ahli Cawangan atau Chapter hendaklah juga terlebih dahulu menjadi Ahli MCOBA.

23.4 Pengerusi sesuatu Cawangan akan dilantik oleh Presiden dengan persetujuan JPM dan Pengerusi Cawangan akan melantik Ahli Jawatankuasanya.

23.5 Tiada apa-apa peruntukkan dalam Perlembagaan yang menghalang JPM mengambil tindakan menutup, menggantung dan tindakan lain yang difikirkan wajar terhadap sesuatu cawangan yang ditubuhkan di bawah Fasal ini atau memberi notis berhenti kepada Pengerusi atau seseorang Ahli Jawatankuasa Cawangan

yang dilantik di bawah Fasal ini.

FASAL 24 **NOTIS**

24.1 Sesuatu notis boleh diserahkan oleh Persatuan kepada seseorang Ahli secara peribadi atau melalui pos atau faksimili atau e-mel kepada alamat yang terakhir seseorang Ahli itu.

24.2 Sesuatu notis yang diserahkan melalui pos atau faksimili atau e-mel hendaklah dianggap sudah diserahkan berdasarkan pada tarikh ianya dihantar dan tarikh yang terdapat di tanda pos (post mark) di sampul surat berkenaan.

24.3 Bagi mengelakkan keraguan untuk tujuan surat menyurat, penerimaan dan keluaran notis berkenaan Perlembagaan, seseorang kakitangan yang dilantik Persatuan atau jika tiada, Setiausaha Kehormat hendaklah mewakili Persatuan.